MMC maju bandar raya Arab Saudi

MMC Corporation Bhd (MMC) memperoleh hak memajukan dan menguruskan Bandaraya Ekonomi Jizan (JEC) yang baru bernilai AS$30 bilion di Arab Saudi bersama Kumpulan Binladin.

Syarikat itu dalam kenyataannya, berkata ia menerima surat penganugerahan bagi hak itu dari Saudi Arabian General Investment Authority (SAGIA) pada majlis pelancaran JEC oleh Raja Arab Saudi Abdullah bin Abdulaziz Al Saud di Jeddah semalam.

Katanya JEC yang terletak 725 kilometer di selatan Jeddah, di Laut Merah, dirancang sebagai sebuah projek pembangunan bersepadu mengandungi zon perindustrian dan bukan perindustrian dengan keluasan 117 kilometer persegi.

Ia akan menjadi Bandaraya Ekonomi keempat Arab Saudi selepas Bandaraya Ekonomi King Abdullah, Prince Abdul Aziz bin Mousaed dan Madinah.

Pembangunannya akan dilaksanakan dalam tempoh 30 tahun pada kos AS$30 bilion, kata MMC yang terbabit dalam pengangkutan dan logistik, tenaga dan utiliti serta sektor kejuruteraan dan pembinaan.

Sementara itu, perniagaan Kumpulan Binladin (SBG) bermula pada awal 1920-an, walaupun ia hanya didaftarkan pada tahun 1990-an sebagai syarikat induk semua aktiviti perniagaan keluarga Binladin.

Syarikat itu bernilai lebih AS$36 bilion dan mempunyai lebih 36,000 pekerja di 30 buah negara.

Ketua Eksekutif Kumpulan MMC Feizal Ali dalam kenyataan itu berkata, daripada jumlah kos pembangunan Bandaraya Ekonomi Jizan itu, AS$17 bilion dijangka membabitkan pelaburan bagi pelbagai projek dalam zon perindustrian yang akan ditanggung oleh setiap pengendali projek.

Bakinya, adalah untuk kos pembangunan prasarana, kawasan komersial, perumahan dan kemudahan awam.

"Zon perindustrian bandaraya baru itu yang merangkumi dua pertiga projek akan mempunyai pelabuhan, loji melebur aluminium, loji pemprosesan keluli, kilang penapisan minyak, kilang pemprosesan tembaga serta industri berkaitan perikanan dan pertanian," katanya.

Katanya, ia juga akan mengandungi loji jana kuasa untuk menyokong industri dengan kapasiti menjana sehingga 4,000 megawatt 'kuasa elektrik.

Zon bukan perindustrian pula, katanya akan mengandungi pusat perniagaan utama, kawasan perumahan, sebuah marina dan kemudahan untuk pendidikan, hospitaliti dan rekreasi.

Sementara itu, Pengerusi MMC, Datuk Wira Syed Abdul Jabbar Shahabudin berkata, pelawaan Kerajaan Arab Saudi bagi MMC untuk turut serta dalam membangunkan projek itu membuktikan kedudukannya sebagai sebuah kumpulan prasarana dan utiliti bertaraf global.

Keputusan membangunkan Bandaraya Ekonomi Jizan dibuat selepas mengkaji prospek industri Wilayah itu dan kedudukan geografi strategiknya.

Jizan kaya dengan batu kapor, dolomit, marmar, basalt, gipsum dan silika, yang akan menyokong industri petrokimia, pemprosesan silikon, agro dan bioteknologi. - Bernama